

# 50 pelajar UMS dekati komuniti luar bandar

UM 26/12/12 26

KENINGAU 25 Dis. - Bagi memperluaskan lagi peranannya dalam pembangunan komuniti, Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus mengorak langkah proaktif dengan menganjurkan Program Outreach Rompon Tambunan di Kampung Rompon di sini baru-baru ini.

Program dari 13 hingga 16 Disember itu dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Daerah Tambunan, Unit Pemimpin Kemajuan Rakyat Tambunan dan Hospital Daerah Tambunan.

Majlis penutup program yang berdasarkan ilmu itu disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan.

Penyalaras program, Dr. Khalid Johari berkata, program tersebut dikelolakan oleh kira-kira 50 penuntut Sarjana Pendidikan UMS yang dibantu oleh pensyarah.

"Tujuan utama program adalah sebagai satu perkongsian pintar antara UMS dengan masyarakat luar bandar yang sukar mendapat kemudahan dan maklumat berkaitan dengan peluang-peluang pendidikan masa kini.

"Melalui program ini UMS akan menyalami kehidupan masyarakat

di luar bandar di samping memberi motivasi kepada pelajar-pelajar termasuk golongan belia," katanya di sini baru-baru ini.

Menurut Khalid, pelbagai program diadakan sepanjang empat hari tiga malam berada di kampung yang didiami oleh suku kaum Dusun itu.

Selain itu, katanya aktiviti riadah seperti bola sepak dan bola jaring turut diadakan antara warga UMS dan penduduk kampung bagi memupuk perpaduan dan semangat kerjasama di kalangan warga UMS dan masyarakat setempat.

"Antara program yang dilaksanakan termasuk ceramah motivasi, taklimat kerjaya, kemahiran Sains, kemahiran Matematik, kemahiran Bahasa Inggeris dan taklimat perternakan dan pertanian," katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, program tersebut berjaya mencapai matlamat apabila mampu memberi banyak pendedahan kepada penduduk setempat selain meningkatkan semangat untuk belajar di kalangan generasi muda.

Menurutnya, sambutan penduduk kampung amat membanggakan dan semua aktiviti berjaya dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.



SEBAHAGIAN daripada belia yang menyertai Program Outreach Rompon Tambunan di Keningau, Sabah, baru-baru ini.